



# Khutbah Aidilfitri

1443H / 2022M

**JABATAN AGAMA ISLAM PERAK**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“**AIDILFITRI: MERAIKAN KEMENANGAN - MENINGKATKAN KEINSAFAN**”

3 Mei 2022 / 1 Syawal 1443

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ<sup>1</sup>،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَنَا لِعِبَادَتِهِ. وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرَحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ، الَّذِينَ فَازُوا  
بِصِيَامِ رَمَضَانَ وَقِيَامِهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
يَا حَسَنًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا  
تَمُوتُوا إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan setiap larangan Nya, mudah-mudahan kita beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Khutbah Aidilfitri pada pagi yang barakah ini, bertajuk, **AIDILFITRI: MERAIKAN KEMENANGAN - MENINGKATKAN KEINSAFAN**

Hari Raya Aidilfitri ialah perayaan agama yang wajib disambut atas landasan agama. Aidilfitri yang disambut berlandaskan agama merupakan satu ibadah kerana itu hendaklah disambut dalam kerangka syariat Islam dan tidak dicemari dengan perbuatan-perbuatan yang menyalahi syariat. Hari Raya Aidilfitri ialah hari meraikan kemenangan selepas mengerjakan ibadah besar, berpuasa sebulan Ramadan.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Hari Raya Aidilfitri ialah hadiah daripada Allah SWT kepada umat Islam yang berjaya melepasi hari-hari sukar menjalani perintah Ilahi dengan hati yang suci dan jiwa yang bersih, mengabdikan diri sepenuh ikhlas kepada Allah Maha Pencipta.

Idil atau dalam bahasa Arab disebut ‘*id*’ - berasal daripada kata dasar ‘*aada - ya’udu*’ bermaksud kembali. Kalimah ‘*fitri*’ bermaksud fitrah, iaitu kejayaan manusia balik kepada fitrah yang asal. Fitrah yang asal bermaksud permulaan kejadian manusia yang suci bersih daripada noda dan dosa. Aidilfitri ialah masa untuk kita membina semula keperibadian melalui proses pengislahan di Madrasah Ramadan. Kita bersyukur ke hadirat Ilahi yang telah mengurniakan kita kesihatan, ketabahan dan kesabaran, berjaya mengharungi tarbiah Ramadan selama sebulan. Kegembiraan yang kita nikmati pada pagi ini, perlulah dizahirkan dengan sifat syukur, agar nikmat kurniaan Ilahi ini kekal berpanjangan, dan dilipat gandakan, bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim ayat 7:

﴿وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab Ku amatlah keras".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

Dua aspek menjadi kayu ukur kejayaan Madrasah Ramadan menambah baik jiwa seseorang Muslim; pertama ibadah; dilihat melalui amalan harian yang dilakukan secara berterusan sehingga menjadi rutin dalam kehidupan; dan kedua keperibadian; menyentuh pembentukan dan peningkatan sahsiah yang unggul dalam diri seseorang insan, seperti amanah, disiplin, tanggungjawab dan sifat-sifat mahmudah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Selepas dua tahun menyambut Aidilfitri yang perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), umat Islam amat teruja menyambut berita pembebasan daripada pelbagai perintah yang pernah dikenakan untuk menangani ancaman virus Covid-19.



Kini kita sudah tiada larangan pergerakan, tiada larangan rentas daerah dan negeri, tiada lagi sekatan jalan raya. Pertama kali dalam tempoh dua tahun, keadaan kembali seperti asal. Keadaan ini juga ibarat mengembalikan kita kepada fitrah, membolehkan kita menyambut Aidilfitri sebagaimana lazimnya.

Pada tahun ini kita berpeluang ziarah menziarahi, amalan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Islam menggalakkan umatnya senantiasa berusaha menjalinkan silaturahim dan mempertingkatkan ukhuwah. Menjalinkan silaturahim dan mempertingkatkan ukhuwah ialah ibadah yang diberikan ganjaran pahala. Orang-orang yang berusaha menjalinkan silaturahim dan mempertingkatkan ukhuwah melalui amalan ziarah menziarahi akan dimudahkan rezeki oleh Allah SWT. Oleh itu perbanyakkan amalan ziarah menziarahi semasa merayakan Aidilfitri.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ أَحْمَدُ

### **Para tetamu Allah yang dimuliakan**

Kegembiraan yang dikecap pada hari ini hendaklah dikembarkan dengan rasa keinsafan terhadap insan-insan daif yang serba kekurangan dan kurang berkemampuan. Pesan Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas RA:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالَّذِي يَشْبَعُ وَجَارُهُ جَائِعٌ

Bermaksud: Bukan mukmin sebenar, orang yang kenyang sementara tetangganya kelaparan. (HR At-Tabrani No: 12579)

Khatib mengajak jemaah supaya kita berkongsi kegembiraan bersama kumpulan yang daif, miskin dan fakir dengan menghulurkan bantuan sedaya mungkin. Tarbiah Ramadan telah menjentik hati kita agar bersifat pemurah, membuat kita berasa gembira melakukan amalan bersedekah. Sifat pemurah yang telah disemai di kebun Ramadan, hendaklah disuburkan ketika menyambut Syawal dan terus dijadikan pohon amalan sepanjang hayat.

Teruskan memupuk diri menjadi insan dermawan agar hidup dan harta kita sentiasa diberkati. Allah SWT menghadirkan kumpulan daif, miskin dan fakir di dunia ini untuk memberi peluang kepada manusia dapat melakukan ibadah, untuk membolehkan manusia menzahirkan sifat pemurah, untuk memungkinkan manusia membuktikan tidak



bersifat tamak dan bakhil, juga sebagai asbab yang membuka laluan menuju ke syurga. Ketahuilah, bersedekah dan berbuat kebaikan itu penuh dengan fadilat, antaranya; dihapuskan dosa, dipanjangkan usia, disucikan hati, disihatkan tubuh, serta dijauhi bala dan diselamatkan daripada mara bahaya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Dalam keriangannya menyambut Aidilfitri khatib memperingatkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Penuhi sambutan dengan sifat takwa melalui acara-acara yang mematuhi syarak dan menghindari perkara-perkara berunsur maksiat.

**Kedua:** Menyantuni kedua-dua ibu bapa dan menceraiakan saudara-saudara tua dengan menziarahi mereka.

**Ketiga:** Rasulullah SAW menyeru, agar Aidilfitri dijadikan hari mengeratkan perpaduan. Baginda mengisytiharkan Aidilfitri sebagai hari kedamaian - hari kegembiraan - hari keriangannya. Sambutlah Aidilfitri dalam suasana damai, gembira dan riang, dengan mengeratkan silaturahim sesama anggota keluarga; sambutlah Aidilfitri dengan menyemaikan rasa kasih sayang sesama insan. Oleh itu jalinkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat dengan membuka pintu rumah, menerima kunjungan tetamu yang berlainan agama, berlainan kaum dan berlainan budaya.

**Keempat:** Menggembirakan golongan miskin, anak yatim dan orang-orang yang berada dalam keuzuran dan kedaifan dengan menghulurkan hadiah dan sedekah.

**Kelima:** Elakkan pembaziran melalui penyediaan juadah secara berlebihan dan keterlaluan yang akan berakhir ke dalam tong sampah, kerana perlakuan membazir mewarisi tabiat syaitan sepertimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang boros itu ialah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

(Surah Al-Isra': 27)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ  
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ،  
اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ! وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

### Hadirin hadirat yang dirahmati Allah,

Ketika majoriti umat Islam berpeluang menyambut Hari Raya di rumah masing-masing dengan berpakaian indah serta menikmati pelbagai juadah, sama-sama kita hargai pengorbanan yang dilakukan, dan perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai pihak, untuk membolehkan Aidilfitri disambut dalam suasana aman, tenteram, riang dan meriah. Ketika majoriti warga bercuti dan bergembira, terdapat kalangan rakyat yang sedang melaksanakan pelbagai tugas penting; para anggota pasukan keselamatan, polis dan tentera, begitu juga mereka yang diperlukan mengendalikan perkhidmatan 24 jam sehari; merangkumi anggota bomba, kakitangan penjara, imigresen dan kastam; kakitangan hospital, sektor pengangkutan dan perkhidmatan, serta kakitangan media, radio dan televisyen.



Hargai khidmat bakti mereka dan pengorbanan anggota keluarga mereka. Kita pohonkan semoga khidmat bakti dan pengorbanan anggota keluarga mereka diterima oleh ALLAH Subhanahu Wataála, sebagai amal makruf yang dikurniakan keberkatan semasa di dunia, dilimpahkan rahmat keselesaan ketika di alam barzakh dan diberatkan timbangan amal ketika di Padang Mahsyar.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, menurut yang diriwayatkan oleh Al-Tabrani, Nabi SAW telah bersabda yang bermaksud, “Hiasilah Hari Raya kamu dengan takbir”. Perbanyakkan bertakbir dan bertahmid tanda kesyukuran kepada Allah Yang Maha Besar.

قَالَ اللَّهُ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>4</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>5</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَرُكُوعَنَا وَسُجُودَنَا وَدُعَاءَنَا وَصَالِحَ أَعْمَالِنَا وَاعْتِقْنَا مِنَ النَّارِ إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

**Ya Allah! Ya Wahhab**, terimalah ibadah yang kami lakukan sepanjang Ramadan, semoga kebaikan kesihatan yang diperoleh, dan kekuatan yang terbina semasa melakukan ibadah puasa Ramadan akan memperkukuhkan iman kami dan mendorong kami untuk melakukan puasa-puasa sunat sehingga bertemu semula bulan Ramadan pada tahun hadapan.

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran

<sup>5</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Hafiz**, kami pohonkan perlindungan Mu melindungi kami dan keluarga kami daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika menyambut Aidilfitri, dikurniakan kesihatan dan dikurniakan keselamatan ketika kami dalam perjalanan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Allah!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ